

Anjur perkongsian pintar tingkatan ilmu kemahiran

UMP, KMP jalin kerjasama

UM (HeloFanyus) Ratu 1/12/10 ms26

Oleh WAN YUSLINA WAN MUDA
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 30 Nov. – Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kolej Matrikulasi Pahang (KMP) menjalin kerjasama dengan menganjurkan program perkongsian pintar bagi meningkatkan ilmu kemahiran.

Program yang julung kali diadakan dengan disertai 500 peserta itu memberi manfaat kepada kedua-dua institusi pengajian tersebut untuk berkongsi kepakaran dan kemudahan infrastruktur.

Penolong Naib Canselor UMP, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, ia merupakan strategi bagi menjadikan universiti itu sebagai pilihan utama kepada pelajar KMP dalam melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Menurut beliau, program itu bertujuan memastikan pelajar yang memasuki universiti tersebut adalah berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan.

“Di samping itu, ia juga (bertujuan) mendekatkan UMP dengan masyarakat,” katanya ketika ditemui di Dewan Mat Kilau KMP di sini baru-baru ini.

Menurut Yuserrie, pihaknya merancang untuk menjalinkan hubungan dengan lebih banyak institusi pendidikan pada masa hadapan menerusi program tersebut.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah KMP, Zaidi Yazid berkata, sebelum ini pelajar KMP hanya mengetahui tentang universiti tersebut melalui karnival pendidikan sahaja.

Tambahnya, melalui program itu, para pelajar dapat mengenali UMP dengan lebih jelas dan mengetahui apakah program bersesuaian dalam melanjutkan pengajian di universiti itu.

“Program jalinan kerjasama ini dapat



KAKITANGAN UMP memberikan penerangan berkenaan projek kejuteraan yang dijalankannya kepada pelajar KMP di Gambang, Kuantan, baru-baru ini.

membantu KMP di segi perkembangan kaitangan, kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pembangunan, perpustakaan serta pusat sumber,” katanya.

Seorang pelajar KMP, Aina Nabihah Mohd., 19, berkata, dia menyertai program tersebut kerana ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program teknologi maklumat.

“Taklimat yang diberikan oleh UMP ringkas dan mudah difahami di samping penceramah menyelitkan unsur jenaka serta mampu menarik perhatian penonton,” katanya.

Menurutnya, dia akan memutuskan universiti mana yang menjadi pilihan utama selepas mendapat keputusan peperiksaan akhir nanti.

Seorang lagi pelajar KMP, Abd. Rahman Abd. Rashid, 19, berkata, program ini membolehkan dia mengetahui cara dan syarat kemasukan ke universiti itu.

Dia tertarik dengan UMP dan program tersebut memberikan pendedahan kepadanya mengenai bidang yang diminati iaitu kejuruteraan kimia.